



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 21 NOVEMBER 2018

- 1. FAMA SASAR JUALAN RM12.7 JUTA SEPANJANG MAHA 2018**
 - **KOSMO**
- 2. AGENDA KESELAMATAN MAKANAN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. MAHA PERKUKUH KESELAMATAN MAKANAN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

FAMA sasar jualan RM12.7 juta sepanjang MAHA 2018

Oleh AZHAR AHMAD

SERDANG - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mensasarkan sebanyak RM12.7 juta jualan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 yang bakal berlangsung di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) bermula esok sehingga 2 Disember ini.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, ia merupakan peningkatan RM2.3 juta berbanding RM10.4 juta jualan yang dicatatkan pada MAHA 2016.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM3.8 juta adalah sasaran jualan bagi Empayar Makanan; 'Castle Of Fruit' (RM7 juta); AgroBazaar Online (RM350,000); Gerbang Trak Makanan (RM1.1 juta) serta Butik Agromas (RM100,000) manakala selebihnya daripada



ISHAK (dua kanan) meninjau persiapan MAHA 2018 yang akan bermula esok di MAEPS Serdang, di sini semalam.



NANAS jenis MD2 yang dibawa daripada negeri antara buah-buahan yang boleh dibeli pengunjung MAHA 2018.

peratus kepada pengunjung yang berbelanja ketika pameran tersebut berlangsung.

Menurutnya, MAHA 2018 turut menawarkan 100 lot gerai jualan dengan 11,111 varieti pokok, buah-buahan, sayuran, tanaman pelbagai, ulam-ulaman, herba dan bunga-bungaan.

"Dalam pameran kali ini, FAMA

juga membawa sebanyak 100 tan metrik nanas MD2 dari Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor manakala 30 tan metrik rock melon dari Kuala Medang Kuala Lipis, Pahang; 10 tan metrik melon manis Terengganu yang akan dijual di Laman Tiba 1 dan Laman Tiba 2 di sini," ujarnya.

m a m p u
d i e a p a i
kerana dijan-
angka lebih
ramai peng-
unjung da-
pat ditarik
melalui program-program yang
dirancang selain tawaran diskaun
bermula dari lima sehingga 20

pelbagai produk ditawarkan,"
katanya pada sidang akhbar di
MAEPS di sini semalam.
Jelasnya, sasaran tersebut



KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

MAHA perkukuh keselamatan makanan

PAMERAN Pertanian, Hortikultur dan Agro pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 yang bakal berlangsung esok hingga 2 Disember ini memperjelas sekali lagi komitmen kerajaan dalam isu berkaitan keselamatan makanan.

Penganjuran MAHA bukanlah baharu di negara ini, tetapi diadakan sejak lama dahulu. Mungkin ramai yang tidak tahu, MAHA sebenarnya telah berusia lebih 90 tahun.

Pameran tersebut kali pertama telah dianjurkan pada 1923. Ia adalah antara ekspo pertanian dan makanan yang terbesar dan paling lama bertapak di rantau ini. Walau bagaimanapun MAHA melalui evolusi dari segi pengisian dan lokasi serta matlamatnya termasuklah dijenamakan semula sesuai dengan perkembangan semasa.

Bermula 2006, MAHA dianjurkan di tapak kekal di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). MAEPS meliputi kawasan yang amat besar saiznya, iaitu 110 hektar (350 ekar), dan amat bertepatan menjadi lokasi pameran pertanian yang terulung ini.

Pemilihan tema *Makanan Kita Masa Depan Kita* sejak penganjurannya sebelum ini menunjukkan kerajaan juga mengambil berat mengenai isu keperluan bekalan makanan di negara ini.

Dalam konteks makro, ia menggariskan kepentingan negara kita untuk mempertahankan kedaulatan makanan sebagai asas kekuatan negara.

Selain kekuatan ketenteraan dan diplomatik, kesinambungan masa depan negara bergantung kepada kebolehan kita untuk mencapai 'kemerdekaan' dalam aspek pengeluaran makanan.

Kesinambungan masa depan pengeluaran makanan pula bergantung kepada adanya generasi pelapis yang mempunyai kemahiran dan kemahiran untuk memastikan bidang pertanian dan industri asas tani terus maju dan mampu terus menegakkan kedaulatan negara.

Inilah yang kita katakan sebagai kedaulatan makanan iaitu hak sesebuah negara itu untuk menentukan dan mengawal sumber dan penghasilan bahan-bahan

INFO

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Dunia (FAO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memberikan definisi bahawa sesebuah negara itu dikira sebagai *food secure* atau terjamin bekalan makanannya sekiranya ia mencapai beberapa kriteria, termasuklah antaranya:

- Bekalan yang cukup
- Kemampuan rakyatnya untuk mendapatkan makanan.
- Kualiti iaitu memberikan nutrisi yang sesuai dengan kehidupan seharian rakyat
- Keselamatan iaitu selamat untuk dimakan.

makanannya sendiri, tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak luar.

Kedaulatan makanan ini menjadi salah satu asas kepada kekuatan negara tersebut.



